

# KEBERKESANAN PELAKSANAAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA SISWA GURU: SATU ANALISIS

Mohd, A.Z

Siti, M.I

Ibrahim F.A

Mahani. S

Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang

## ABSTRAK

*Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) diperkenalkan dalam pendidikan tinggi adalah bertujuan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan terhadap sejarah kepelbagaian tamadun sehingga kini yang memberi impak kepada jati diri yang utuh. Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk menilai keberkesanan pembelajaran dan pengajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) oleh para siswa guru Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang. Kajian ini melibatkan 88 orang siswa guru. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan nilai min. Soal selidik digunakan untuk mengkaji empat aspek keberkesanan pembelajaran dan pengajaran Tamadun Islam dan Tamadun Asia iaitu pengajaran pensyarah, strategi motivasi yang digunakan oleh pensyarah, penilaian kandungan dan penilaian kursus. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa keempat-empat aspek yang dikaji, nilai min berada pada tahap tinggi iaitu pengajaran pensyarah (4.53), strategi motivasi yang digunakan oleh pensyarah (4.57), penilaian kandungan (4.45) dan penilaian kursus (4.43). Implikasi kajian ini ialah kepelbagaian penggunaan kaedah pengajaran dituntut bagi meningkatkan mutu pembelajaran dan pengajaran kursus dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.*

**Kata kunci:** *Keberkesanan, pembelajaran, pengajaran, penilaian*

## PENGENALAN

Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) merupakan subjek wajib di ambil oleh semua siswa guru di Institut Pendidikan Guru di Malaysia. Tujuan subjek ini diperkenalkan ialah bagi memupuk dan membina jati diri yang utuh khususnya kepada para siswa guru yang merupakan pendidik negara ini kelak. Selain itu, kursus ini juga bertujuan untuk memenuhi keperluan dan kehendak semasa negara serta keperluan sistem pendidikan yang telah banyak mengalami perubahan bagi keperluan kehendak semasa dan agenda nasional, bermula dari peringkat pra sekolah sehingga ke peringkat yang tertinggi. Pelbagai perubahan telah

berlaku dalam dunia pendidikan hari ini samada dari sistem, kurikulum, dasar ataupun falsafah pendidikan itu sendiri yang seringkali mengalami perubahan seiring dengan tuntutan dan kehendak semasa (Mariam, 2005). Abdullah Sanusi (1998) menjelaskan objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar IPTA supaya faham dan prihatin tentang tamadun Islam dan beberapa tamadun lain yang ada di rantau ini, seterusnya mewujudkan sikap keterbukaan untuk menghadapi kepelbagaian tersebut sesuai dengan konteks Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

Awang Had Salleh (1995) turut menegaskan bahawa pendedahan pelajar-pelajar Islam kepada Tamadun Islam akan memberikan penghayatan yang lebih mendalam kepada agama mereka sendiri. Pelajar-pelajar bukan Islam pula dapat menghubungkan agama Islam dengan gambaran atau gambaran-gambaran negatif, seperti persepsi mereka bahawa Islam itu keganasan, Islam itu poligami, Islam itu mundur dan sebagainya. Oleh itu, pelajar Institut Pendidikan Guru perlu didedahkan kepada Tamadun Islam supaya membuka mata mereka kepada hakikat bahawa Islam itu adalah sebuah peradaban yang akan memberi kesan kepada pembinaan sahsiah jati diri unggul sekaligus aspirasi yang telah digariskan dalam pelan pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dalam direlisasikan dengan jayanya.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kajian-kajian tentang pengajaran TITAS sebelum yang melibatkan institusi pengajian tinggi sama ada kolej atau universiti telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Antara pengkaji ialah kajian Zahiah Haris @ Harith et.al (2021); Habibah @ Artinie Ramlie dan Norshahrul Marzuki Mohd Nor (2020); Faridah Che Husain et.al (2018); Nurul Farhanah Mohd Nasir et.al (2018); Mohamad Azahari Abu Bakar et.al (2012). Isu yang diutarakan ialah isu patriotisme, isu keberkesanan pengajaran, isu relevansi Pendidikan ketamadunan dan isu pembentukan akhlak dan moral.

Habibah @ Artinie Ramlie dan Norshahrul Marzuki Mohd Nor (2020) dalam kajiannya mendapati semangat patriotisme dalam kalangan mahasiswa bukan melayu hanya berada pada tahap sederhana dan tidak sampai ke tahap yang menyerlah dan membanggakan. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk meninjau kesignifikan kursus TITAS sebagai medium pembentukan toleransi etnik dalam kalangan mahasiswa di UMS dan mengenalpasti keperluan kursus TITAS diteruskan sebagai kursus liberal di PPIB, UMS. Faridah Che Husain et.al (2018) pula, hasil dapatan menunjukkan kursus TITAS berupaya membentuk akhlak dan moral pelajar melalui pelbagai aspek termasuklah pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, kursus

ini adalah selari dengan falsafah pendidikan negara iaitu memperkembangkan potensi pelajar secara bersepadu bagi mewujudkan insan seimbang dan harmonis.

Selanjutnya, Nurul Farhanah Mohd Nasir et.al (2018) menegaskan bahawa pendidikan ketamadunan iaitu TITAS amat penting bagi membentuk dan memupuk jati diri dalam kalangan anak muda generasi kini. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden bersetuju dengan relevansi pendidikan ketamadunan yang diberikan kepada pelajar khususnya di institut pengajian tinggi swasta. Dapatan kajian ini juga membuktikan peranan guru membentuk minat pelajar kepada sejarah. Begitu juga kajian Mustapha Kamal Ahmad Kassim(2015) menunjukkan kaedah yang digunakan oleh pensyarah institut pendidikan guru dalam pengajaran TITAS adalah sesuai dan berkesan. Namun, kepelbagaian kaedah bergantung kepada kepakaran dan kemahiran pensyarah. Dapatan kajian beliau juga menunjukkan objektif kursus yang jelas dan sesuai dengan masa kini. Implikasi kajian ini mencadangkan kajian lanjutan tentang pengajaran TITAS agar diperluaskan.

Seterusnya, Mohamad Azahari Abu Bakar et.al (2012) dalam kajiannya memberikan satu maklumat baru mengenai persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran kursus TITAS di IPTA yang memfokuskan pemantapan kursus TITAS berdasarkan pelajar yang telah mengambil kursus ini. Implikasi kajian ini mencadangkan agar isi kandungan TITAS dikemaskini supaya lebih relevan dengan kepelbagaian kaum dan agama. Berdasarkan sorotan-sorotan literatur adalah berkaitan dengan subjek TITAS dan kepentingannya dalam memupuk patriotism dan akhlak dan moral. Kajian tentang pelaksanaan pengajaran TITAS agak kurang dijalankan di institusi pengajian tinggi awam. Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan keberkesanan pembelajaran dan pengajaran TITAS dalam empat aspek iaitu pengajaran pensyarah, strategi motivasi yang digunakan oleh pensyarah, penilaian kandungan dan penilaian kursus.

## **METODOLOGI**

Pendekatan kajian yang dipilih ialah secara kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan. Seramai 88 orang siswa guru ambilan Jun 2021 dalam bidang Sains, Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa kedua dan Matematik di Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang telah mengambil bahagian sebagai responden kajian ini. Kaedah soal selidik digunakan untuk mengumpul data secara terus dari responden kajian kerana data mudah diperolehi dengan cepat dan keupayaan keputusan kajian untuk digeneralisasikan kepada populasi dengan tepat dan berkesan (Chu Yan Piaw, 2014). Soal selidik diedarkan melalui borang Google form kepada responden kajian. Borang soal selidik kajian mengandungi empat aspek

yang dikaji iaitu i) pengajaran pensyarah, ii) strategi motivasi yang digunakan oleh pensyarah, iii) penilaian kandungan dan iv) penilaian kursus. Skala lima likert telah digunakan sebagai panduan kepada responden kajian untuk menjawab item-item dalam soal selidik. Jadual 1.0 berikut menunjukkan skor penilaian skala likert yang digunakan bagi bahagian ini:

**Jadual 1**  
*Skor Skala Likert*

| <b>Penyataan</b>    | <b>Skor</b> |
|---------------------|-------------|
| Sangat Tidak Setuju | 1           |
| Tidak Setuju        | 2           |
| Kurang Pasti        | 3           |
| Setuju              | 4           |
| Sangat Setuju       | 5           |

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Demografi Responden**

Demografi responden kajian ini merangkumi jantina, opsyen dan ambilan. Sampel terdiri 15 orang siswa guru lelaki (17%) dan 73 orang siswa guru perempuan (83%). Manakala opsyen pula, Bahasa Inggeris seramai 73 orang (83%), Sains seramai 10 orang (11.4%) dan Matematik seramai 5 orang (5.6%) Seterusnya, ambilan siswa guru adalah 100% ambilan Jun 2021. Berikut jadual 2 bagi demografi responden.

**Jadual 2**  
*Demografi Responden*

| <b>Demografi</b>        | <b>Bilangan Responden</b> | <b>Peratusan(%)</b> |
|-------------------------|---------------------------|---------------------|
| <b>Jantina</b>          |                           |                     |
| Lelaki                  | 15                        | 17                  |
| Perempuan               | 73                        | 83                  |
| <b>Opsyen</b>           |                           |                     |
| Bahasa Inggeris         | 73                        | 83                  |
| Sains                   | 10                        | 11.4                |
| Matematik               | 5                         | 5.6                 |
| <b>Ambilan Jun 2021</b> | 88                        | 100                 |

Analisis Keberkesanan pembelajaran dan pengajaran TITAS

Dapatan kajian diperolehi melalui data keberkesanan pembelajaran dan pengajaran TITAS yang merangkumi empat aspek iaitu kandungan pembelajaran, interaksi atas talian, maklum balas pensyarah, strategi motivasi yang digunakan oleh pensyarah dan kemudahan mengakses aplikasi pembelajaran atas talian. Kajian ini juga menggunakan dan merujuk kepada interpretasi skor min yang dikemukakan oleh Pallant (2011) seperti yang berikut.

**Jadual 3**  
*Interpretasi Skor Min*

| Tahap     | Skor Min  |
|-----------|-----------|
| Tinggi    | 3.67-5.00 |
| Sederhana | 2.34-3.66 |
| Rendah    | 1.00-2.33 |

### **Keberkesanan Pengajaran Pensyarah**

Dapatan kajian menunjukkan para siswa guru berpendapat bahawa pensyarah memberikan contoh yang sesuai dengan tajuk yang dibincangkan mempunyai nilai skor min yang paling tinggi iaitu 4.62. Pensyarah juga menggalakkan pelajar untuk berbincang secara aktif mempunyai nilai min 4.59. Seterusnya pensyarah sentiasa menyemak kefahaman pelajar terhadap pengajarannya mempunyai nilai min yang tinggi iaitu 4.54. Secara keseluruhannya, keberkesanan pengajaran pensyarah pada nilai skor min 4.53. Jadual 3 menunjukkan analisis skor min bagi keberkesanan pengajaran pensyarah.

**Jadual 4**  
*Keberkesanan pengajaran pensyarah*

| No                 | Pernyataan   | Nilai Min   | Tahap         |
|--------------------|--|-------------|---------------|
| 1                  | Pensyarah menggunakan kepelbagaian kaedah dalam pengajaran               | 4.39        | Tinggi        |
| 2                  | Pensyarah memberikan contoh yang sesuai dengan tajuk yang dibincangkan   | 4.62        | Tinggi        |
| 3                  | Pensyarah sentiasa menggalakkan pelajar untuk berbincang secara aktif    | 4.59        | Tinggi        |
| 4                  | Pensyarah menerangkan dengan jelas hasil pembelajaran yang ingin dicapai | 4.51        | Tinggi        |
| <b>Keseluruhan</b> |  | <b>4.53</b> | <b>Tinggi</b> |

## Strategi Motivasi Pensyarah

Analisis skor min menunjukkan nilai yang paling tinggi pada pernyataan pensyarah menggalakkan siswa guru untuk mengambil bahagian dalam pembelajaran iaitu dengan nilai 4.68. Pensyarah memberi motivasi dan galakan apabila saya hadir dalam pembelajaran pula mendapat nilai min 4.57. Seterusnya pensyarah menggunakan maklum balas pelajar bagi menggalakkan perbincangan semasa pembelajaran mempunyai nilai min sebanyak 4.53 dan akhir sekali pensyarah memberi motivasi untuk menggalakkan semua pelajar menyertai perbincangan semasa pembelajaran mempunyai nilai min sebanyak 4.52. Secara keseluruhannya strategi motivasi pensyarah adalah masih di tahap tinggi pada nilai min 4.57. Jadual 4 menunjukkan analisis skor min strategi motivasi pensyarah.

### Jadual 5

#### *Strategi Motivasi Pensyarah*

| No                 | Pernyataan   | Nilai Min   | Tahap         |
|--------------------|--|-------------|---------------|
| 1                  | Pensyarah menggalakkan pelajar untuk mengambil bahagian dalam pembelajaran                             | 4.68        | Tinggi        |
| 2                  | Pensyarah memberi motivasi dan galakan apabila saya hadir dalam pembelajaran                           | 4.57        | Tinggi        |
| 3                  | Pensyarah menggunakan maklum balas pelajar bagi menggalakkan perbincangan semasa pembelajaran          | 4.53        | Tinggi        |
| 4                  | Pensyarah memberi motivasi untuk menggalakkan semua pelajar menyertai perbincangan semasa pembelajaran | 4.52        | Tinggi        |
| <b>Keseluruhan</b> |  | <b>4.57</b> | <b>Tinggi</b> |

## Kandungan Kursus

Analisis skor min tertinggi menunjukkan bahawa kandungan silibus kursus bersesuaian dengan tahap pengajian pelajar dengan nilai 4.53. Nilai min yang ditunjukkan pada pernyataan masa yang diperuntukkan dalam proses pengajaran mempunyai nilai min iaitu 4.51. Kandungan kursus yang membincangkan kepelbagaian tamadun secara seimbang mempunyai nilai min sebanyak 4.50 dan pernyataan tentang kandungan silibus mempunyai nilai min 4.39. Manakala yang terakhir ialah pernyataan tentang kandungan kursus ini mempunyai hubungkait dengan bidang pengajian mempunyai nilai min terendah iaitu 4.34. Secara keseluruhannya, kandungan kursus adalah di tahap tinggi pada nilai skor

min 4.45. Jadual 5 menunjukkan analisis skor min bagi kandungan kursus yang dinilai oleh siswa guru.

**Jadual 6**  
*Kandungan kursus*

| No                 | Pernyataan   | Nilai Min   | Tahap         |
|--------------------|--|-------------|---------------|
| 1                  | Kandungan silibus kursus relevan dengan keperluan                        | 4.39        | Tinggi        |
| 2                  | Kandungan silibus kursus bersesuaian dengan tahap pengajian pelajar      | 4.53        | Tinggi        |
| 3                  | Masa diperuntukkan dalam proses pengajaran bersesuaian                   | 4.51        | Tinggi        |
| 4                  | Kandungan kursus yang membincangkan kepelbagaian tamadun secara seimbang | 4.50        | Tinggi        |
| 5                  | Kandungan kursus ini mempunyai hubungkait dengan pengajian               | 4.34        | Tinggi        |
| <b>Keseluruhan</b> |  | <b>4.45</b> | <b>Tinggi</b> |

### Penilaian Kursus

Analisis skor min tertinggi menunjukkan bahawa penilaian kursus menepati objektif dan hasil pembelajaran kursus dengan nilai 4.54. Nilai min yang ditunjukkan pada pernyataan masa yang diperuntukkan dalam proses pengajaran ialah 4.52. Tugas yang diberikan dapat membantu pelajar memahami kandungan kursus mempunyai nilai min sebanyak 4.52 dan pernyataan tentang tugas yang diberikan tidak membebankan mempunyai nilai min 4.39.

Manakala yang terakhir ialah pernyataan tentang peratusan kerja kursus adalah wajar mempunyai nilai min terendah iaitu 4.44. Secara keseluruhannya, kandungan kursus adalah di tahap tinggi pada nilai skor min 4.43. Jadual 6 menunjukkan analisis skor min bagi penilaian kursus.

**Jadual 7**  
*Penilaian kursus*

| No | Pernyataan   | Nilai Min | Tahap  |
|----|--|-----------|--------|
| 1  | Penilaian kursus ini menepati objektif dan hasil pembelajaran kursus | 4.54      | Tinggi |
| 2  | Penilaian kursus meliputi keseluruhan kandungan kursus               | 4.52      | Tinggi |

|                    |   |             |               |
|--------------------|---|-------------|---------------|
| 3                  | Tugas yang diberikan dapat membantu pelajar memahami kandungan kursus | 4.52        | Tinggi        |
| 4                  | Tugas yang diberikan tidak membebankan pelajar                        | 4.125       | Tinggi        |
| 5                  | Peraturan kerja kursus adalah wajar                                   | 4.44        | Tinggi        |
| <b>Keseluruhan</b> |   | <b>4.43</b> | <b>Tinggi</b> |

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan nilai min terhadap empat –empat aspek yang dikaji dalam keberkesanan pembelajaran dan pengajaran dalam talian berada di tahap yang tinggi. Nilai min dari aspek strategi motivasi yang digunakan oleh pensyarah memperoleh nilai min yang paling tinggi iaitu 4.57, keberkesanan pengajaran pensyarah memperoleh nilai min iaitu 4.53, kandungan kursus (4.02) dan penilaian (4.43).

Dapatan ini menjelaskan bahawa strategi motivasi yang digunakan oleh pensyarah merupakan elemen penting dalam pembelajaran secara aktif dalam pembelajaran dan pengajaran. Hal ini kerana pembelajaran TITAS memerlukan pelajar untuk melakukan tugas secara sendiri. Malah tugas TITAS adalah secara penuh kerja kursus tanpa peperiksaan akhir. Strategi motivasi pensyarah mewujudkan komunikasi dua hala dengan siswa guru untuk menyiapkan tugas. Dapatan ini menepati kajian Mustapha Kamal Ahmad Kassim(2015) yang menunjukkan kepelbagaian kaedah yang digunakan oleh pensyarah adalah sesuai dan berkesan. Begitu juga aspek kandungan TITAS selari dengan objektif kursus.

Dapatan ini menyokong kajian Nurul Farhanah Mohd Nasir et.al (2018) bahawa peranan guru dalam membentuk minat pelajar dalam pengajaran sejarah. Cara pembelajaran dan pengajaran yang lebih efektif menarik minat pelajar untuk belajar TITAS. Selain itu, pendidikan ketamadunan iaitu TITAS amat penting bagi membentuk dan memupuk jati diri dalam kalangan anak muda generasi kini. Hal ini kerana kandungan TITAS menghuraikan perkembangan tamadun dan interaksi kepelbagaian ketamadunan. Siswa guru memperoleh suri tauladan tentang kebangkitan dan kejatuhan sesebuah tamadun.

## **KESIMPULAN**

Kajian awal ini menyumbang maklumat penting tentang keberkesanan pembelajaran dan pengajaran TITAS di IPG Kampus Pulau Pinang. Hal ini membuktikan bahawa keberkesanan pembelajaran dan pengajaran TITAS bergantung kepada kepelbagaian kaedah, dan strategi yang digunakan oleh pensyarah. Kursus TITAS merupakan kursus generik yang ditawarkan kepada siswa guru di tahun pertama pengajian ijazah sarjana muda.



Implikasi kajian ini ialah kepelbagaian kaedah pengajaran meningkatkan mutu pengajaran yang lebih berkesan. Namun, kajian lanjutan berkaitan dengan pengajaran di IPG perlu dijalankan dalam pelbagai aspek untuk mendapat maklumat secara menyeluruh untuk memastikan pelaksanaannya memenuhi hasrat dan cita-cita Kementerian Pendidikan.

## RUJUKAN

Faridah Che Husain, Khairul Hamimah Mohd Jodi, Zawiah Hj. Mat, Fakhru Adabi Abdul Kadir (2018). Elemen Pembentukan Akhlak dan Moral: Penelitian Terhadap Modul Pengajian Kursus Titas di Universiti Malaya. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*

Habibah @ Arini Ramlie & Norshahrul Marzuki Mohd Nor. (2020). Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) sebagai Medium Pembentukan Toleransi Etnik di Universiti Malaysia Sabah (UMS): Satu Analisis Keperluan, *International Journal Of Education, Psychology and Counselling*. 5 (35).81-91.

Nor Hayati Fatmi Talib, Bani Hidayat Mohd Shafie, Mohd Huzairi Awang @Hussain, Hajaratul Bahti Zakaria dan Ab. Halim Tamuri (2015). Pelaksanaan Kursus Tamadun Islam Di Institut Pengajian Tinggi: Satu Sorotan. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara.

Nurul Farhana Mohd Nasir, Fadhilah Abdul Ghani, Munirah Selamat dan Sakinah Husain. (2018). Kajian Kerelevanan Pendidikan Ketamadunan (Subjek Matapelajaran Umum: Tamadun Islam Dan Tamadun Asia- TITAS) Di Salah Sebuah Universiti Swasta, Selangor. *Internasional Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(18), 46-54.

Musthapa Kamal Ahmad Kassim (2015). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang: kajian kaedah dan keberkesannya [Tesis tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.

Zahiah Haris @ Harith, Musthapa kamal Ahmad kassim dan Muaaz Muhammad.(2021). Persepsi Guru Pelatih Terhadap Kaedah Pembelajaran Dan Pengajaran Tamadun Islam Dan Tamadun Asia Di Institut Pendidikan Guru kampus Ilmu Khas.

Mohamad Azhari Abu Bakar, Siti Norazilah Mohd Said, Surena Sabil, Nor Hasniah Ibrahim, Aina razlin Mohammad Roose, Edris Aden, Ida Juliana Hutsahut dan Zulmahari Hj Marawi. (2012). Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS): Kajian Tinjauan Persepsi pelajar, *Regional Conference On Cross Cultural Communication and national Integration*. 19-25 Mei 2012, Kuala Lumpur.

Yazilmiwati Yaacob & Rozaini Ahmad (2019). Penerapan Kemahiran Insaniah Melalui Interaksi Dan Integriti (21CAMP) Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Tamadun Islam Dan Tamadun Asia (TITAS) Di Universiti Sunway Malaysia, *Practitioner Research (1)* 127-154.